



JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

KOD KESIHATAN - KOD PENILAIAN PERIBADI




KOD BIRU
Pesakit yang telah pulih dan sedang menjalani kuarantin selama 14 hari.

TIDAK dibenarkan untuk memasuki premis perniagaan atau mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti keramaian.


KOD KUNING
Risiko rendah. Ambil langkah berjaga-jaga.

Dibenarkan untuk masuk premis perniagaan atau ikut sebarang aktiviti.




KOD HIJAU
Sihat. Sila pantau kondisi kesihatan awda dan pastikan keselamatan awda terkawal.

Dibenarkan untuk memasuki premis perniagaan atau ikut serta dalam aktiviti.



KOD MERAH
Individu yang mempunyai tanda-tanda jangkitan influenza (ILI) seperti selsema, batuk / sejarah perjalanan keluar negeri baru-baru ini / primary atau secondary kontak kepada pesakit COVID-19 yang disahkan.

TIDAK dibenarkan untuk memasuki premis perniagaan atau ikut serta dalam aktiviti.
TIDAK dibenarkan untuk mengunjungi pusat-pusat vaksinasi. Hanya dibenarkan untuk mendapatkan ujian swab atau rawatan perubatan.



KOD UNGU
Pesakit COVID-19

TIDAK dibenarkan untuk memasuki premis perniagaan atau ikut serta dalam aktiviti.
TIDAK dibenarkan untuk mengunjungi pusat-pusat vaksinasi.



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**


GARIS PANDUAN BERURUSAN DI JABATAN TANAH

SYARAT-SYARAT UTAMA



BruHealth.


**Kod QR BruHealth
hijau dan kuning**



**Memakai sungkup muka
(hendaklah menutup
hidung dan mulut)**




**Imbas Kod QR Jabatan
Tanah melalui Aplikasi
BruHealth**




**Pemeriksaan
suhu badan**



**Menggunakan
'sanitizer'**



**Penjarakan Sosial
1 meter**



**Tekan 'Leave' setelah
selesai urusan pada
Aplikasi BruHealth**



JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

GARIS PANDUAN BERURUSAN DI JABATAN TANAH

PEMOHON - TATACARA MENERIMA PERKHIDMATAN



Secara perjanjian yang telah ditetapkan sahaja
PERHATIAN : Perjumpaan secara *Walk-in* tidak akan dilayan.
Nota: Pelanggan yang tidak hadir pada waktu yang ditetapkan dikira tidak hadir dan pihak Jabatan akan memberikan tarikh dan jam perjanjian yang baru.



Menyediakan wang mengikut jumlah bayaran yang telah ditetapkan. Pihak Pejabat tidak akan menyediakan baki wang. Pembayaran menggunakan cek adalah digalakkan.
Nota: Pembayaran hanya diterima bagi permohonan urusniaga mengikut daerah letak tanah berkenaan sahaja



Tunggu diluar pintu sehingga nama dipanggil untuk urusan di kaunter perkhidmatan atau kaunter pembayaran



Membawa dan menggunakan pen berdakwat biru untuk mengisi atau menandatangani sebarang dokumen-dokumen berkenaan



Tempoh setiap urusniaga dihadkan selama 10 - 20 min sahaja



Segera meninggalkan bangunan pejabat setelah urusan selesai bagi membolehkan pelanggan seterusnya berurusan.

PERINGATAN

SILA BAWA DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA BERURUSAN



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NOTIS PERUBAHAN WAKTU DAN HARI OPERASI
BAGI KAUNTER-KAUNTER PERKHIDMATAN DAN PEMBAYARAN
DI CAWANGAN PEJABAT-PEJABAT TANAH DAERAH**

Bagi pelaksanaan BCP (*Business Continuity Plan*) semasa mengurangi penularan wabak dan jangkitan covid-19, Jabatan Tanah dengan ini memaklumkan kepada orang ramai akan perubahan hari dan waktu operasi bagi kaunter-kaunter perkhidmatan dan pembayaran di cawangan Pejabat-Pejabat Tanah Daerah. Mulai hari **Sabtu, 11 September 2021M bersamaan 04 Safar 1443H** perkhidmatan kaunter akan hanya diberikan **secara temujanji sahaja** dan **Pihak Jabatan akan menghubungi pemohon untuk penetapan tarikh dan jam temujanji. Perjumpaan tanpa temujanji atau secara *Walk-in* tidak akan dilayan/diterima.**

Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang www.tanah.gov.bn dan menghubungi talian-talian berikut untuk sebarang pertanyaan am:

Bil.	Cawangan Pejabat Tanah	Nombor Perhubungan
1.	Pejabat Tanah Brunei Dan Muara	238 1181 atau 238 3182/3/4/5/6/7
2.	Pejabat Tanah Tutong	422 1372
3.	Pejabat Tanah Belait	333 1542
4.	Pejabat Tanah Temburong	522 1248

MAKLUMAN

PERMOHONAN PINDAH MILIK TANAH (BARU)
BAGI TANAH YANG TERLETAK DI DAERAH
BRUNEI DAN MUARA TIDAK AKAN DITERIMA
UNTUK SEMENTARA WAKTU



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	HARI DAN WAKTU PERKHIDMATAN	LOKASI-LOKASI KAUNTER	KAEDAH PERKHIDMATAN
1.	Permohonan <ul style="list-style-type: none">● Pindah Milik Tanah Keterangan Maklumat Tanah [Land Title Search]● Mengganti Geran● Pendaftaran Tuntutan Waris● Kaveat● Mengambil Geran Tanah	Rabu dan Sabtu 9.00 pagi - 12.00 tengahari	Aras Bawah, Pejabat Tanah Brunei & Muara Aras Bawah, Pejabat Tanah Tutong Tingkat 1, Pejabat Tanah Belait Tingkat 1, Pejabat Tanah Temburong	Temujanji sahaja
2.	Permohonan <ul style="list-style-type: none">● Tukar Syarat Khas Tanah● Gadaian● Memajak Tanah Persendirian● Membaharui Tempoh Pajakan● Memajak Tanah Kerajaan● Menghalakan Saliran ke Tanah Kerajaan● Jalan Laluan di Atas Tanah Kerajaan● Pemecahan dan Penyatuan Tanah [Perjanjian menandatangani masih ditutup]● Taksiran bagi Skim Pinjaman Kerajaan (Housing Loan)● Taksiran bagi Tuntutan Waris● Lain-lain permohonan	Isnin, Rabu dan Khamis 8.00 pagi - 1.00 petang	Tingkat 1, Pejabat Tanah Brunei & Muara Aras Bawah, Pejabat Tanah Tutong Tingkat 1, Pejabat Tanah Belait Tingkat 1, Pejabat Tanah Temburong	<i>Drop Box</i> sahaja



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	HARI DAN WAKTU PERKHIDMATAN	LOKASI-LOKASI KAUNTER	KAEDAH PERKHIDMATAN
3.	Kaunter Pembayaran	Rabu dan Sabtu 9.00 pagi - 12.00 tengahari	Tingkat 1, Pejabat Tanah Brunei & Muara Aras Bawah, Pejabat Tanah Tutong Tingkat 1, Pejabat Tanah Belait Tingkat 1, Pejabat Tanah Temburong	Temujanji sahaja
4.	Urusan Pengambilan Balik Tanah	Rabu dan Sabtu 9.00 pagi - 12.00 tengahari	Tingkat 2 Bahagian Pemerolehan & Pelupusan	Temujanji sahaja
5.	Taksiran; • Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (Housing Loan) • Tuntutan Waris	Isnin - Khamis dan Sabtu 8.00 pagi - 1.00 petang	Tingkat 2 Bahagian Penilaian Jabatan Tanah (bagi tanah-tanah di Daerah Brunei Muara sahaja)	<i>Drop box</i> sahaja



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**






**LOKASI *DROP BOX*
(8.00 pagi - 1.00 petang)**

Daerah	Pejabat / Bahagian	Lokasi <i>Drop Box</i>
Brunei dan Muara	Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 4	Depan Pintu Masuk, Setiap Pejabat dan Bahagian-Bahagian, Jabatan Tanah, Berakas
	Bahagian Perkhidmatan dan Perkembangan, Tingkat 3	
	Bahagian Pematuhan dan Penguatkuasaan, Tingkat 3	
	Bahagian Registri, Tingkat 3	
	Bahagian Penilaian, Tingkat 2	
	Bahagian Pemerolehan dan Pelupusan, Tingkat 2	
	Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara, Tingkat 1	
	Unit Hakmilik dan Urusniaga	
Tutong	Pejabat Tanah Daerah Tutong	Depan Pintu Masuk, Pejabat Tanah Tutong
Belait	Pejabat Tanah Daerah Belait	Depan Pintu Masuk, Tingkat 1, Pejabat Tanah Belait
Temburong	Pejabat Tanah Daerah Temburong	Depan Pintu Masuk, Tingkat 1, Pejabat Tanah Temburong



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**TATACARA MENGHANTAR PERMOHONAN DAN SEBAGAINYA
MELALUI *DROP BOX***

1.		Muat turun dan isi borang permohonan dan sertakan dokumen-dokumen yang diperlukan dengan lengkap
2.		Masukkan dalam sampul surat yang tertutup
3.		Tulis Nama Pejabat atau Bahagian yang ditujukan pada sampul surat
4.		Pergi ke lokasi <i>Drop Box</i>
5.		Imbas Kod QR Jabatan Tanah melalui Aplikasi BruHealth sebelum memasukkan sampul surat dalam <i>Drop Box</i>
6.		Masukkan sampul surat dalam <i>Drop Box</i>
7.		Tekan 'Leave' setelah selesai urusan pada Aplikasi BruHealth

PERHATIAN

Borang-Borang boleh dimuat turun (*download*) melalui laman sesawang Jabatan Tanah (www.tanah.gov.bn) dan ianya adalah terhad kepada beberapa jenis permohonan sahaja.

Pihak Jabatan Tanah akan menghubungi mana-mana permohonan yang tidak lengkap untuk diambil semula yang ditempatkan di sebelah *drop box* yang disediakan.



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Kerjasama dan pertimbangan daripada orang ramai adalah diharapkan bagi sama-sama melaksanakan tanggungjawab mencegah dan menghentikan wabak dan jangkitan COVID 19. Untuk makluman, dalam situasi pada masa ini tempoh memproses permohonan akan berbeza daripada lazimnya.

Sekian disampaikan.

**Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.
Hari Rabu, 01 Safar 1443H / 08 September 2021M
Rujukan: 220/CL/32/42/PT.1**